

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH
B. NIK ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 5 OGOS 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mempercepat proses pendakwaan terhadap pesalah kes Allahyarham Adib.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Mahkamah Koroner Shah Alam yang bersidang pada 27 September 2019, telah memutuskan punca kematian anggota bomba, Muhammad Adib bin Mohd Kassim, bukanlah disebabkan kemalangan tetapi disebabkan perbuatan jenayah oleh dua (2) orang atau lebih suspek.

Berdasarkan keputusan tersebut, PDRM sedang menjalankan siasatan berdasarkan arahan Pejabat Peguam Negara dan mengumpul bukti-bukti yang ada untuk dikemukakan semula kepada pihak pendakwaan.

Kertas siasatan telah dirujuk semula ke Jabatan Peguam Negara pada 23 Julai 2020 dengan cadangan-cadangan seperti berikut:

- i. Menuduh 12 orang suspek di bawah Seksyen 143 Kanun Keseksaan yang merusuh dan menyerang jentera bomba.
- ii. Mengadakan inkues semula untuk siasatan lanjut jika dipersetujui oleh Peguam Negara di bawah peruntukan Seksyen 339(2) Kanun Prosedur Jenayah.